

01 DEC 1997

Mahathir-Lemah

NEGARA LEMAH PENUHI HASRAT KEMASUKAN SYARIKAT GERGASI

BANGI, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kejatuhan nilai ringgit serta harga barangan yang meningkat berbanding pendapatan, akan menjadikan Malaysia lemah dan seterusnya memenuhi hasrat sesetengah pihak supaya pasaran negara ini terbuka kepada syarikat-syarikat gergasi mereka.

"Hari ini kita dapati bank-bank di negara-negara yang sudah menerima bantuan, dibeli oleh bank-bank asing," katanya pada perhimpunan pekerja Tenaga Nasional Berhad di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) di Kajang, dekat sini.

Sebelum itu beliau melancar kereta elektrik pertama negara keluaran Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM), "Eleksuria."

Dr Mahathir berkata apabila syarikat-syarikat gergasi itu mula memasuki negara ini, mereka akan mengalahkan syarikat-syarikat tempatan dan mengambilalihnya, seterusnya masyarakat Malaysia akan menjadi hamba dan bekerja untuk orang asing.

Menyoroti masalah yang melanda negara sekarang, beliau berkata sesetengah pihak yang tamak dan kaya telah mengakibatkan matawang negara kini merosot sebanyak 40 peratus berbanding dolar Amerika dan telah sedikit sebanyak menjejaskan pendapatan serta daya beli rakyat Malaysia.

"Mereka jadikan kita miskin dan lemah dan seterusnya tunduk kepada mereka, memaksa supaya negara kita dibuka untuk syarikat-syarikat gergasi mereka dan bank-bank besar mereka," kata Dr Mahathir.

Apabila ini berlaku, segala keuntungan akan diperolehi oleh syarikat-syarikat itu dan rakyat menjadi buruh dan bekerja untuk memperkayakan mereka.

"Inilah hasrat mereka. Bank-bank kita akan diambil alih.....dengan itu kita hilang kemerdekaan, tak boleh rancang pembangunan negara serta hanya mengikut telunjuk mereka," katanya lagi.

Dr Mahathir berkata beliau bersyukur bahawa rakyat Malaysia telah bersatu padu dan memberi sokongan kepada kerajaan dalam menangani masalah negara sekarang. -- BERNAMA

SHO OS